

**NOTIS PENUTUPAN SEMENTARA**

Kepada Pelanggan-pelanggan SAINS yang dihormati,

**PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN AIR DI SEBAHAGIAN KAWASAN SEREMBAN BERIKUTAN KERJA-KERJA PENYAMBUNGAN PAIP SERTA KERJA-KERJA SERVIS PERALATAN VOLTAN TINGGI PADA 31 JANUARI 2023**

Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan kami bahawa SAINS akan melaksanakan penutupan sementara bekalan air yang dijangka akan mengakibatkan gangguan bagi beberapa kawasan di Seremban seperti yang dinyatakan di bawah. Maklumat penutupan adalah seperti berikut:

**Tarikh :** 31 Januari 2023 (Selasa)  
**Masa :** 8.00 pagi (31 Januari 2023) – 8.00 pagi (2 Februari 2023)

Maklumat kerja	Kawasan terlibat	Langkah kontigensi
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja-kerja penyambungan paip di Kolam Imbangan Batu 5, Seremban</li> <li>• Kerja-kerja servis dan pembaikan peralatan voltan tinggi di LRA Sg. Terip, Seremban</li> </ul>	<p><b>Seremban:</b>                      Seluruh kawasan Ampangan</p> <p>Seluruh kawasan Senawang termasuk Paroi, Rasah Jaya, Industri Sungai Gadut, Industri Senawang, Taman Tuanku Jaafar, Seremban Selatan, Seremban Jaya, Nusa Intan, Jalan Ampangan-Kuala Pilah dan kawasan sekitar.</p> <p>Seluruh kawasan Seremban termasuk Bandar Seremban, Seremban 2, Seremban 3, Mambau, Temiang, Templer, Lobak, Rahang, Bukit Kepayang, Oakland, Jalan Labu Batu 1 hingga Batu 13, R&amp;R Seremban Arah Utara dan Selatan, Jalan Kuala Sawah hingga Batu 6, Jalan Seremban-Port Dickson hingga Bengkel Sri Seremban, Jalan Rasah, Hospital Tuanku Jaafar, Hospital Columbia, Hospital KPJ, Hospital Mawar dan NSCMH.</p> <p>Seluruh Sikamat termasuk Taman Desa Rhu, Kampung Ujung Pasir, Taman Warisan Puteri, Kampung Bukit Merbah, Taman Rashibah, Taman Suliana dan Taman Penaga.</p> <p>Beberapa kawasan tinggi di Mantin/Lenggeng seperti Taman Bunga Raya, Taman Pelangi, Taman Kemuning, Taman Bukit Berlian, Kampung Tarun dan Kampung Sungai Biah.</p>	<p>Pengambilan air melalui lori tangki yang di sewa oleh pihak industri di 'Water Feeder Station' di lokasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pejabat Operasi SAINS Ngoi-ngo</b></li> <li>• <b>Seremban Barat</b></li> <li>• <b>LRA Sg. Linggi</b></li> <li>• <b>Eagle Ranch PD</b></li> <li>• <b>Pejabat Operasi SAINS Rembau</b></li> </ul> <p><i>Akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 48 jam (selepas tempoh penutupan)</i></p>

- Langkah Kontigensi akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 48 jam (selepas tempoh penutupan).
- Pihak INDUSTRI hendaklah mengemukakan surat permohonan pengambilan air lebih awal kepada pihak SAINS dengan menyatakan jumlah trip dan kapasiti lori tangki yang disewa. Caj jumlah isipadu air yang diambil akan dikenakan mengikut kadar semasa.
- Lori tangki yang disewa oleh pihak INDUSTRI untuk mengambil air di 'Water Feeder Station' yang ditetapkan oleh pihak SAINS hendaklah terjamin kebersihan daripada sebarang pencemaran bagi memastikan kualiti air yang dibekalkan oleh SAINS tidak terjejas. Sebarang perubahan pada kualiti air SAINS akibat dari keadaan lori tangki yang disewa yang tidak mematuhi standard kualiti kebersihan dari pihak SAINS adalah dibawah tanggungjawab pihak INDUSTRI.

Bekalan air akan disambungkan semula selepas waktu yang dinyatakan dan dijangka pulih secara berperingkat. Walaubagaimanapun, beberapa kawasan tinggi dijangka akan mengalami tempoh pembaikan yang lebih lama. Untuk makluman, kerja-kerja ini merupakan antara usaha berterusan SAINS dalam menambah baik dan meningkatkan mutu bekalan air demi kepentingan para pelanggan pada masa hadapan.

Para pelanggan yang memerlukan bantuan boleh menghubungi kami ditalian bebas tol **1-800-88-6982** untuk mendapatkan sebarang bantuan lanjut.

**HAJAH NORZITA BINTI ISMAIL**  
Ketua Jabatan Komunikasi Korporat  
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.